



FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF

**PERANAN PENAJAAN DALAM AKTIVITI SENI DI KAMPUNG
BUDAYA SARAWAK**

CHE ROSAYU BINTI CHE YUSOFF

Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan seni)
2014

**PERANAN PENAJAAN DALAM AKTIVITI SENI DI KAMPUNG
BUDAYA SARAWAK**

CHE ROSAYU BINTI CHE YUSOFF

29843

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2014

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the**30**.....day of.....**MAY**.....2014.

Student's Declaration:

I CHE ROSAYU BINTI CHE YUSOFF, 29843, FACULTY OF APPLIED & CREATIVE ARTS

(PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare that the work entitled PERANAN PENAJAAN DALAM AKTIVITI SENI DI KAMPUNG

BUDAYA SARAWAK is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

30 MAY 2014

Date submitted

Che Rosayu Binti Che Yusoff (29843)

Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

PROF DATUK' DR HJ. HASHIM BIN HJ. AWANG

I (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that

the work entitled PERANAN PENAJAAN DALAM AKTIVITI SENI DI KAMPUNG

BUDAYA SARAWAK (TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/~~full~~ fulfillment for the conferment of BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS (ARTS MANAGEMENT)

(PLEASE INDICATE THE DEGREE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

PROF DATUK' DR HJ. HASHIM BIN HJ. AWANG

Received for examination by: _____

(Name of the supervisor)

30 MAY 2014

Date: _____

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

CONFIDENTIAL (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*

RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organisation where
research was done)*

OPEN ACCESS

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of University Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalize the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature _____ Supervisor signature:) _____

(30 MAY 2014)

(30 MAY 2014)

Current Address:

Lot 1474 Kampung Kemasin Perupok 16300, Bachok Kelantan, Darul Naim.

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

PENGAKUAN

Projek bertajuk “**Peranan Penajaan Dalam Aktiviti Seni di Kampung Budaya Sarawak**” telah disediakan oleh **Che Rosayu Binti Che Yusoff** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian **Pengurusan Seni**.

Diterima untuk diperiksa oleh:

.....

(Prof Datuk Dr. Hj. Hashim Bin Hj. Awang)

Tarikh:.....

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera

Terlebih dahulu, syukur Alhamdulillah kehadiran ilahi di atas taufik dan hidayah-Nya kerana telah menganugerahkan keupayaan kepada saya untuk menyiapkan kajian penyelidikan ini dengan jayanya seperti yang telah dirancang dalam masa yang telah ditetapkan.

Seterusnya, saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu Professor.Dato` Dr. Haji Hashim Bin Haji Awang di atas sumbangan idea, nasihat, tunjuk ajar dan memberi maklum balas yang ikhlas dan kukuh semasa saya menyiapkan kajian ini. Diharap Allah s.w.t akan membalas kemuliaan budi dan sumbangan yang telah dicurahkan.

Disamping itu, saya ingin mengucapka ribuan terima kasih kepada pensyarah program pengurusan seni yang lain telah memberi nasihat dan penerangan terhadap kajian yang saya jalankan ini.

Manakala buat ayah saya Che Yusoff Bin Che Ahmat, Ibu Zimah Bt Mat dan adik beradik saya yang tercinta semoga mereka ini dilindungi Allah S.W.T dan berbilang terima kasih diatas didikan, kasih sayang, nasihat, dan bantuan kewangan serta sokongan yang diberikan. Segala jasa dan pengorbanan mereka tidak akan dilupakan. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang berada dalam program pengajian yang sama kerana banyak memberi pandangan dan dorongan yang tidak terhingga dalam

menyiapkan kajian ini. Berharap kalian semua berjaya dalam hidup dan diberkati oleh allah S.W.T.

Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada responden yang telah ditemuramah iaitu Encik Zaini Bin Hj. Zainuddin dan Encik Osman Bin Hassan, pegawai kampung budaya Sarawak yang telah memberikan kerjasama kepada saya. Oleh itu, segala yang baik itu datangnya dari allah s.w.t dan segala kelemahan dan kekurangan itu datangnya dari diri saya sendiri. Oleh itu, saya memohon maaf sekiranya masih terdapat kekurangan dan kelemahan ini.

Sekian, terima kasih.

KANDUNGAN

| | |
|---------------------------------------|-----|
| BORANG PENGESAHAN STATUS LAPORAN..... | i |
| PENGAKUAN..... | ii |
| PENGHARGAAN..... | iii |
| ABSTRAK..... | iv |
| KANDUNGAN..... | v |
| SENARAI PETA..... | vi |
| SENARAI JADUAL..... | vii |

BAB I: PENGENALAN

| | |
|-------------------------------------|---|
| Pengenalan..... | 1 |
| Latar Belakang..... | 2 |
| Peta 1: Peta Sarawak..... | 3 |
| Latar Belakang Sejarah Sarawak..... | 4 |
| Lokasi Kajian..... | 5 |

| | |
|--------------------------------|----|
| Peta 2: Lokasi Kajian..... | 6 |
| Permasalahan Kajian..... | 7 |
| Persoalan Kajian..... | 8 |
| Objektif Kajian..... | 9 |
| Kerangka Konsep..... | 10 |
| <i>Penajaan</i> | 11 |
| <i>Organisasi</i> | 12 |
| <i>Pengurusan</i> | 13 |
| <i>Hubungan Peribadi</i> | 14 |
| <i>Penajaan Media</i> | 15 |
| <i>Kategori Penajaan</i> | 15 |
| <i>Asas Komunikasi</i> | 16 |
| Kepentingan Kajian..... | 16 |
| Rumusan..... | 17 |

BAB II: KUPASAN KEPUSTAKAAN

| | |
|---|----|
| Pengenalan..... | 18 |
| Penajaan..... | 19 |
| Peranan Penajaan..... | 22 |
| Kejayaan dan Kegagalan perolehi Penajaan..... | 23 |
| Asas Kepimpinan..... | 24 |
| Strategi Penajaan..... | 24 |
| Manfaat Timbal Balik oleh Syarikat Penajaan..... | 25 |
| <i>Promosi</i> | 26 |
| <i>Kepentingan hubungan antara penaja dan acara</i> | 27 |
| Rumusan..... | 28 |

BAB III: METODOLOGI KAJIAN

| | |
|--------------------------------|----|
| Pengenalan..... | 29 |
| Jadual Pelaksanaan Kajian..... | 30 |

| | |
|----------------------------------|----|
| Sumber Data..... | 31 |
| <i>Data Primer</i> | 32 |
| <i>Definisi Kualitatif</i> | 33 |
| <i>Data Sekunder</i> | 34 |
| Kaedah Temubual..... | 35 |
| Instrumen Kajian..... | 40 |
| Limitasi Kajian..... | 41 |
| Kaedah Analisa Data..... | 44 |
| Rumusan..... | 45 |

BAB IV: ANALISA DATA DAN PENEMUAN

| | |
|-------------------------|----|
| Pengenalan..... | 47 |
| Penemuan..... | 48 |
| Kaedah Kualitatif..... | 55 |
| Kaedah Pemerhatian..... | 57 |
| Rumusan..... | 58 |

BAB V: PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

| | |
|--|-----------|
| Pengenalan..... | 59 |
| Perbincangan..... | 60 |
| Cadangan..... | 62 |
| Kesimpulan..... | 65 |
| Rumusan..... | 69 |
| RUJUKAN..... | 70 |
| LAMPIRAN I..... | 72 |
| SENARAI PETA | |
| Peta 1: Negeri Sarawak..... | 3 |
| Peta 2: Kampung Budaya Sarawak..... | 6 |
| SENARAI JADUAL | |
| Jadual 1: Peranan Penajaan Dalam Aktiviti Seni Di Kampung Budaya Sarawak..... | 32 |

ABSTRAK

Kajian ini merupakan kajian mengenai peranan penajaan dalam aktiviti seni di Kampung Budaya Sarawak. Penekanan kajian ini diberikan kepada penelitian tentang penajaan dalam aktiviti seni yang mendapat dana daripada pelbagai bentuk untuk menjayakan aktiviti yang dijalankan. Kajian ini amat penting bagi memahami lebih mendalam mengenai peranan penajaan. Kajian ini juga, mendapati bahawa organisasi seni telah mengatur strategi untuk mendapatkan dana dalam acara yang dijalankan. Penajaan amat penting kepada organisasi seni kerana ia merupakan penggerak utama kepada organisasi tersebut.

ABSTRACT

This research is about the study on role of sponsoring in arts activity in Sarawak Culture Village. This study emphasis the scrutiny on sponsoring in activities that were carried out. The study is very important to understand more detailed on role of sponsoring. The strategy of organisation has been arranged in order to get fund or donations events that were carried out. The purposes of sponsoring is very important because that was a prime mover to organisation.

BAB I: PENGENALAN

Pengenalan

Kajian ini adalah mengenai peranan penajaan dalam aktiviti seni di Kampung Budaya Sarawak. Kajian ini mencerminkan sejauh mana peranan penajaan menjadi semakin penting untuk organisasi seni menjalankan sesuatu aktiviti agar mendapat kerjasama dari pihak penajaan dan aktiviti yang dilakukan itu berjaya dengan baik, malah faedah bersama juga akan diperolehi oleh syarikat penajaan melalui promosi iklan barangan mereka. Antara subtopik yang utama dibincangkan ialah Latar Belakang Kajian, Lokasi Kajian, Objektif Kajian, Permasalahan Kajian, Kerangka Konsep, Manfaat Kajian dan Rumusan.

Latar Belakang Kajian


Dalam kajian yang dijalankan ini, pengkaji ingin melihat kajian yang berkaitan peranan penajaan dalam aktiviti seni. Peranan penajaan ini adalah amalan mempromosikan kepentingan syarikat dan jenamanya dengan meletakkan mereka kepada perkara yang berkaitan. Setiap organisasi seni yang membuat persembahan mereka banyak memerlukan penyumbangan dana dari mana-mana syarikat besar mahupun kecil yang tertentu untuk memberi tajaan secara percuma atau syarikat itu sendiri yang

membuat perjanjian seperti perjanjian kontrak untuk meningkatkan imej mereka kepada orang ramai.

Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan kerana pengkaji ingin mengetahui lebih jelas lagi tentang penajaan yang diperolehi oleh organisasi seni Kampung Budaya Sarawak. Sebagai contohnya, organisasi seni Kampung Budaya Sarawak, kebergantungan organisasi seni mereka bergantung sepenuhnya ataupun tidak kepada penajaan. Hal ini demikian kerana, sesebuah organisasi seni memerlukan penajaan untuk melaksanakan aktiviti mereka agar berlangsung sesuai dengan apa yang dirancang, secara amnya aktiviti organisasi seni ini dapat membantu mempromosikan syarikat yang memberi tajaan itu.

Pengkaji membuat kajian ini kerana ingin mengetahui lebih jelas lagi tentang penajaan yang diperolehi oleh pihak organisasi seni Kampung Budaya Sarawak sama ada organisasi seni itu mempunyai masalah untuk mendapatkan penajaan. Hal ini demikian, ramai organisasi-organisasi seni yang sedang berlumba-lumba untuk mendapatkan penajaan untuk aktiviti seni yang dijalankan. Di sini juga, pengkaji ingin mengetahui adakah organisasi seni kampung budaya Sarawak merancang dan menyusun strategi dengan baik untuk mendapatkan penajaan daripada badan-badan korporat.

Idea-idea ini timbul kerana, pengkaji mendapati untuk memperolehi sesuatu penajaan dalam sesetiap aktiviti seni yang dijalankan tidak semudah yang disangkakan.



Peta 1: Negeri Sarawak

(Sumber: hope.cdc.com.my)

Latar belakang Sejarah Sarawak


Sarawak dikaitkan dengan nama Batang Sarawak atau Sungai Sarawak. Penemuan dan peninggalan sejarah di gua niah seperti tembikar, alat perkakas yang diperbuat daripada batu, serta lukisan pada dinding gua membuktikan Sarawak sebagai negeri terawal yang didiami oleh manusia di Asia Tenggara. Negeri Sarawak ini ditadbir oleh kesultanan Brunei. Penempatan terawal Sarawak adalah di Asia Tenggara Gua Niah. Pada awalnya Sarawak ini ditadbir oleh kesultanan Brunei sejak abad ke- 15 yang membahagikan Sarawak kepada beberapa unit jajahan yang ditadbir oleh seorang pembesar yang mempunyai kuasa autonomi. Sebagai contohnya, sungai Skrang ditadbir oleh Syarif Sahap dan Sungai Sarawak pula ditadbir oleh Pangeran Mahkota. Masyarakat Sarawak ini mempunyai 27 kumpulan etnik di Sarawak yang mempunyai bahasa, cara hidup, dan budaya yang berbeza.

Lokasi Kajian

Pengkaji membuat kajian di Kampung Budaya Sarawak. Kampung Budaya Sarawak terletak di Pantai Damai, Santubong hanya 32km dari Bandar Kuching. Kampung Budaya Sarawak merupakan tempat yang terbaik untuk mengenali budaya dan cara hidup masyarakat setempat.

Kampung Budaya Sarawak dibuka secara rasmi pada tahun 1990 dan dibangunkan di atas tanah seluas 17 ekar iaitu mampu memberikan pengalaman terindah kepada Rumah Penan pengunjung yang mahu merasai sendiri gaya hidup serta kediaman sebenar masyarakat unik tersebut. Rumah Melayu perkampungan ini juga mempunyai sebuah pentas dimana pengunjung boleh menyaksikan persembahan tarian tradisional berbagai kaum, sebuah restoran dan kedai kraftangan. Selain itu pengunjung boleh melangsungkan perkahwinan di Kampung Kebudayaan Sarawak dan mengikuti gaya tradisi kaum Iban, Melayu, Bidayuh atau Orang Ulu. Rumah panjang yang terdapat disana mempunyai deretan bilik-bilik yang bersebelahan yang disambungkan dengan sebuah ruang serambi yang panjang yang digunakan untuk aktiviti-aktiviti seperti mengukir kayu dan menganyam bakul.

Kampung Budaya Sarawak juga digelar sebagai 'Museum Kehidupan' yang dibangunkan untuk memelihara dan mempamerkan warisan kebudayaan dan kesenian Negeri Sarawak. Ini kerana setiap replika rumah-rumah kaum etnik ini terdapat orang yang memakai pakaian tradisional yang mengikut jenis etnik masing-masing. Kampung Budaya Sarawak merupakan tempat yang terpilih untuk menjalankan festival pada setiap tahunnya, sebagai contoh Rainforest World Music Festival, Soulstar, World Harvest Festival dan sebagainya. Di mana untuk menjalankan festival ini pengurus acara amat memerlukan pendanaan yang besar untuk menjalankan aktiviti ini supaya lebih menarik lagi dan dikenali oleh orang ramai.



Peta 2: Lokasi Kajian Kampung Budaya Sarawak

(Sumber: www.malaysiahotels.com.my)

Permasalahan Kajian

Permasalahan kajian dalam penyelidikan ini adalah berkaitan dengan peranan penajaan dalam aktiviti seni. Penajaan ini wujud kerana ia penting untuk sesuatu acara kesenian yang dijalankan itu berjalan dengan baik. Permasalahan yang wujud kerana sesebuah organisasi seni terpaksa bersaing untuk dengan organisasi seni lain untuk mendapatkan penajaan. Oleh itu, strategi yang digunakan haruslah berkesan agar penajaan yang diinginkan itu dapat memenuhi keperluan organisasi tersebut.

Disini pengkaji melihat bahawa pihak penajaan telah memberi manfaat atau timbal balik kepada organisasi seni. Oleh itu, faedah yang disumbangkan oleh pihak penajaan akan dimanfaatkan sebaik mungkin.

Selain itu, pengkaji mendapati bahawa jika tiadanya konsep penajaan ianya akan menyukarkan organisasi seni untuk membuat persembahan dengan berjaya. Oleh itu, tidak mudah bagi sesebuah organisasi seni untuk mendapatkan penajaan, kerana organisasi seni terpaksa menempuhi pelbagai cabaran dan halangan dalam memperolehi penajaan untuk sesuatu aktiviti yang dijalankan.

Perkara-perkara inilah yang menguatkan lagi penyelidik ingin mengkaji masalah-masalah tersebut kerana pengkaji berharap dapat mencari jalan penyelesaian yang dapat membantu menyelesaikan masalah-masalah itu nanti. Selain itu, pengkaji berharap orang ramai akan sedar bahawa penajaan adalah penting untuk mengerakkan sesuatu

aktiviti yang dijalankan kerana organisasi seni yang berjalan lancar itu kebergantungan kejayaan mereka hanya pada penajaan.

Sekiranya, organisasi seni ingin mendapatkan penajaan ia perlulah mematuhi syarat yang telah ditetapkan oleh syarikat penaja tersebut. Keadaan ini akan menyukarkan organisasi seni. Perkara-perkara inilah yang mendorong pengkaji ingin mengkaji masalah-masalah tersebut supaya pengkaji dapat mencari jalan penyelesaian yang akan membantu menyelesaikan masalah-masalah itu nanti. Selain itu, pengkaji juga ingin menyedarkan bahawa peranan penajaan sangat penting untuk sesuatu pertubuhan organisasi seni.

Persoalan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti peranan penajaan dalam aktiviti seni. Cara yang terbaik dilakukan oleh penajaan adalah memberi pembiayaan atau tajaan yang khusus terhadap organisasi seni untuk membuat persembahan. Persoalan yang wujud kepada pengkaji semasa menjalankan kajian ini adalah seperti berikut.

- (i) Bagaimanakah cara organisasi seni mengatur strategi untuk bersaing memperolehi penajaan?
- (ii) Apakah bentuk penajaan yang diperolehi daripada penaja dan faedah timbal balik yang diberikan oleh pihak kampung budaya Sarawak kepada syarikat penajaan?

- (iii) Apakah kekangan dan halangan yang dihadapi oleh pihak kampung budaya Sarawak untuk memperolehi penajaan?

Objektif Kajian

Setiap kajian yang dijalankan pasti mempunyai objektifnya yang tersendiri. Begitu juga dengan kajian yang dijalankan ini. Pengkaji telah memilih beberapa objektif yang pengkaji rasa sesuai dengan kajian yang dibuat. Tujuan pengkaji menjalankan kajian ini adalah ingin mengetahui lebih jelas tentang peranan penajaan yang dimainkan oleh aktiviti seni. Hal ini pengkaji merasakan keberkesanan program organisasi seni yang dijalankan adalah bergantung sepenuhnya kepada hasil tajaan. Antara objektif kajian ini adalah.

- (i) Mengkaji Strategi yang digunakan oleh pihak Kampung Budaya Sarawak untuk mendapatkan penajaan.
- (ii) Mengkaji bentuk penajaan yang diperolehi dari penajaan dan timbal balik yang diberikan oleh pihak Kampung Budaya Sarawak kepada syarikat penaja. Ini bertujuan untuk melihat lebih jelas tentang organisasi seni menggunakan faedah apabila memperolehi pendanaan daripada badan-badan korporat.
- (iii) Mengetahui cabaran organisasi seni untuk mendapatkan penajaan.

Kerangka Konsep

Kerangka konsep sangat penting kepada pengkaji kerana ia berfungsi sebagai panduan dalam menjalankan sesuatu kajian. Selain itu kerangka konsep juga membantu kajian ini berjalan dengan sebaik mungkin dan tidak akan terpesong daripada tajuk kajian pengkaji iaitu peranan penajaan dalam aktiviti seni di Kampung Budaya Sarawak yang digunakan dalam kajian ialah konseptual teorikal yang diambil daripada pendapat pengkaji masa lampau. Konsep teori tersebut ialah berkaitan dengan peranan penajaan dalam aktiviti seni. Oleh yang demikian konsep yang dipilih adalah sangat bersesuaian digunakan sebagai panduan untuk membantu dalam menyelesaikan masalah kajian dan seterusnya membantu mencapai objektif-objektif kajian. Antara konsep yang dipilih adalah kepimpinan dan organisasi, konsep hubungan peribadi, penajaan media, kategori tajaan, target kompeni dan timbal balik.

Penajaan

Menurut Meenaghan (1983), telah mentakrifkan penajaan sebagai “the provision of assistance either financial or in-kind to an activity by a commercial organization for the purpose of achieving commercial objectives.” (h.18). Iaitu sesuatu bentuk pemberian atau sumbangan sama ada dari segi kewangan dan barangan peralatan yang disumbangkan oleh syarikat penaja bagi mencapai objekif syarikat mereka.